

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN KHOO SOO SEANG [TEBRAU]

TARIKH : 25.11.2014

SOALAN :

Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah-langkah yang akan diambil untuk meningkatkan prestasi VLE (Virtual Learning Environment) serta mengatasi masalah-masalah teknikal yang menjejaskan penggunaannya terutama sekali di kawasan luar bandar di mana ada keluarga-keluarga yang tiada kemudahan komputer, kekurangan kemahiran komputer dan kelajuan broadband yang amat kurang memuaskan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengambil langkah meningkatkan penggunaan *Virtual Learning Environment* (VLE) dalam kalangan pentadbir sekolah, guru dan murid serta pegawai-pegawai KPM. KPM telah melaksanakan Latihan Jurulatih Utama bagi 671 pegawai KPM dan 351 sekolah champion. Selain itu, KPM telah melaksanakan sesi pendedahan kepada semua pegawai KPM, pengurusan perubahan di peringkat negeri dan melatih 16,000 guru. KPM juga telah melaksanakan program perkhidmatan pasca latihan dengan mengaturkan khidmat bantu "*hand holding*" oleh pegawai teknologi pendidikan dari Pusat Kegiatan Guru yang berdekatan sekolah.

Sehingga kini KPM telah muat naik lebih 16,000 bahan pembelajaran dalam VLE untuk diguna sama oleh semua guru seluruh negara. Sebagai contoh, berdasarkan analisis penggunaan VLE dalam kalangan murid-murid di daerah Ipoh, SJKC Wan Hwa (2) mencapai prestasi yang sangat baik, (293 daripada 302 murid) 91.24% daripada murid-muridnya menggunakan VLE untuk lebih 30 minit seminggu.

Bagi meningkatkan penggunaan VLE, KPM mengeluarkan surat siaran berkaitan penggunaan VLE, Manual Penggunaan VLE yang boleh dilayari di <http://frogasia.com/learncentre> dan <http://1bestarinet.net>.

Melalui surat siaran ini Pengetua/Guru Besar hendaklah mengambil langkah-langkah seperti mengaktifkan ID 1BestariNet bagi semua guru dan murid, memastikan ID 1BestariNet sampai kepada ibubapa/penjaga. Guru-guru juga perlu memasukkan elemen penggunaan VLE dalam Rancangan Pendidikan Harian/Mingguan/Tahunan seperti memberi tugas kepada murid melalui VLE, membina laman pembelajaran bagi perkongsian bahan PdP dan murid menggunakan VLE bagi pembelajaran sendiri dan tugas.

Bagi murid-murid yang tiada kemudahan ICT di rumah, mereka dibenarkan untuk menggunakan kemudahan ICT sekolah. Manakala bagi sekolah-sekolah yang capaian internet yang kurang memuaskan, pihak sekolah telah diarahkan untuk menjadualkan bilangan pengguna serentak supaya tidak menjejaskan penggunaan.

**SIDANG DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2014)**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **YB TUAN LIM GUAN ENG**
[BAGAN]
TARIKH : **25 NOVEMBER 2014 [SELASA]**
SOALAN : **12**

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan sama ada pihaknya meluluskan permohonan lesen operasi tetap Lynas ekoran krisis kewangan syarikat tersebut dan ketidakpatuhan kepada syarat ditetapkan dalam lesen operasi sementara. Adakah perancangan membina dua lagi loji janakuasa tenaga nuklear diteruskan. Sekiranya ya, dimana lokasi dan kosnya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah meluluskan permohonan Lesen Tetap yang dinamakan Lesen Operasi Peringkat Pengendalian Penuh Lynas berdasarkan kepada penilaian terhadap kepatuhan Lynas kepada semua syarat yang ditetapkan di bawah peruntukan Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304),

Peraturan-peraturan subsidiari yang dibuat di bawahnya dan juga standard serta amalan terpuji antarabangsa.

Berhubung dengan soalan YB mengenai perancangan untuk membina dua loji janakuasa tenaga nuklear, ingin saya jelaskan bahawa kerajaan belum berhasrat untuk membina loji yang dimaksudkan itu kerana ia masih di peringkat kajian. Aspek kos dan lokasi merupakan komponen utama yang dikaji dan kajian tersebut dijadualkan siap dalam suku pertama tahun 2015.

Sekian. Terima kasih.